

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Soal

Tolong tuan terangkan sejarah ringkas imam-imam mazhab yang empat yang diakui oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah! — daripada saya: Hussein bin Osman, Kampung Parit Pematang Duku, Benut — Johor.

Jawab

Sebelum saya menulis tentang sejarah ringkas mengenai imam-imam mazhab yang empat itu, maka terlebih dahulu suka saya menerangkan nama keempat-empat mazhab yang telah mereka asaskan iaitu: mazhab Ḥanafī, mazhab Mālikī, mazhab Shāfi‘ī dan mazhab Ḥanbalī.

Mazhab Ḥanafī:

Nama pengasasnya ialah al-Imām Abū Ḥanīfah. Beliau dilahirkan pada tahun 80 Hijrah dan meninggal dunia di Baghdad pada tahun 150 Hijrah dalam masa berusia 70 tahun. Beliau belajar ilmu di Kufah dan di sanalah beliau mula mengasaskan mazhabnya. Kemudian beliau duduk berfatwa mengembangkan ilmu pengetahuan menurut mazhabnya di Baghdad. Beliau tidak putus-putusnya menaburkan ilmu pengetahuannya kepada segenap lapisan kaum Muslimin, sehingga beliau terkenal sebagai seorang ulama yang terbesar di zaman itu, mahir di dalam ilmu fikah, pandai mengistinbatkan hukum-hukum yang

diambil daripada al-Qur’ān dan al-ḥadīth.

Menurut riwayat yang boleh dipercayai, bahawa beliau adalah digelar “*Wadī’ al-‘ilm*” (orang yang mula-mula menyusun ilmu fikah sebagai susunan yang ada sekarang ini). Telah bergaul dengan al-Imām Abū Ḥanīfah beberapa orang ulama yang terkemuka, mereka mempelajari hukum-hukum mazhab itu, dan segala hukum-hukum yang telah mereka pelajari itu mereka tulis dijadikan kitab. Mereka adalah sebagai penyokong mazhab Abū Ḥanīfah, kemudian sebahagian besar daripada mereka itu kembali menyelidiki dan memeriksa hukum-hukum yang mereka pelajari tadi dengan mencari dalil-dalilnya serta disesuaikan dengan keadaan-keadaan zaman dan mengkaji dari segi kefaedahan dan kemudaratanya, sehingga ada di antara mereka tidak bersependapat dengan sebahagian daripada hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh guru mereka itu. Bahkan mereka mengeluarkan (memfatwa) pula beberapa hukum yang baru menurut pendapat mereka yang berbeza dengan pendapat al-Imām Abū Ḥanīfah. Mereka inilah yang dinamakan “sahabat-sahabat Abū Ḥanīfah.” Di antara mereka itu Abū Yūsuf, Muḥammad bin Ḥassan dan Zafīr. Mazhab Abū Ḥanīfah atau lebih

terkenal dengan nama mazhab Ḥanafī ini banyak tersiar di negeri-negeri Baghdad, Parsi, Bukhara, Mesir, Syam dan di lain-lain negeri.

Mazhab Mālikī:

Nama orang yang mengasasnya mazhab ini ialah al-Imām Mālik bin Anas. Beliau dilahirkan pada tahun 93 Hijrah. Beliau belajar di Madinah. Dan di sanalah beliau mengarang kitab “*al-Muwatta’*” sebuah kitab hadith yang terkenal sampai sekarang. Beliau menyusun kitab tersebut atas anjuran daripada Khalifah Manṣūr ketika keduanya bertemu pada musim haji.

Mazhab Mālikī ini beliau asaskan atas empat dasar: kitab suci al-Qur’ān, sunnah al-Rasūl, ijmak ulama dan qiyas. Hanya dasar yang terakhir beliau gunakan di dalam hal-hal yang terbatas sekali, kerana beliau adalah seorang ahli al-ḥadīth. Beliau pernah berkata: “Sesungguhnya aku ini sebagai manusia biasa, kadang-kadang betul dan kadang-kadang tersalah, maka hendaklah kamu periksa dan kamu selidiki pendapat-pendapatku, mana yang sesuai dan tidak bertentangan dengan Qur’ān dan sunnah, ambillah dia!”

Al-Imām Mālik bin Anas adalah seorang ulama fikah dan hadith, beliau pada masa hayatnya seorang ulama yang paling berpengaruh di seluruh Hijaz; orang namakan beliau “*Sayyidī fuqahā’ al-ḥadīth*” (penghulu ahli fikah dan hadith) di seluruh negeri Hijaz. Beliau banyak mempunyai sahabat (murid-murid) di antaranya yang terkemuka: Muḥammad bin

Idrīs bin Shāfi‘ī (al-Imām al-Shāfi‘ī), al-Laythī bin Sa‘ad, Abū Ishāq al-Farazī dan lain-lain lagi. Negeri yang terbanyak sekali pengikut-pengikut mazhab Mālikī ini ialah Tunis, Maghribi (Morocco) Mesir dan lain-lain.

Mazhab Shāfi‘ī

Nama pengasasnya ialah Muḥammad bin Idrīs bin Shāfi‘ī dari keturunan bangsa Quraisy. Beliau dilahirkan pada tahun 150 Hijrah, dan meninggal dunia di Mesir pada tahun 204 Hijrah. Sewaktu berumur 7 tahun beliau telah hafaz Qur’an, setelah berumur 10 tahun beliau hafaz “*al-Muwatta’*” (kitab guru beliau al-Imām Mālik). Setelah berumur 20 tahun beliau mendapat izin dari gurunya (Muslim bin Khālid) untuk berfatwa.

Kata ‘Alī bin ‘Uthmān: “Saya tidak pernah melihat seorang yang lebih pintar dari Shāfi‘ī, sesungguhnya tidak ada seorang pun yang menyamainya di masa itu, yang pintar dalam segala ilmu pengetahuan, sehingga bila ia melontarkan anak panah dapat dijamin 90 peratus akan mengenai sasarannya.”

Setelah beliau hampir berumur 21 tahun beliau pergi ke Madinah kerana mendengar khabar al-Imām Mālik yang begitu terkenal seorang alim besar dalam ilmu hadith dan fikah berada di sana. Selama di Madinah beliau belajar kepada al-Imām Mālik, kemudian pergi ke Iraq, di sana beliau bergaul dengan sahabat-sahabat al-Imām Abū Ḥanīfah, dan selepas itu beliau terus ke Parsi dan

menjelajah ke beberapa negeri lain. Kira-kira dua tahun beliau menghabiskan masa di dalam perantauan.

Dalam perjalanan beliau ke negeri-negeri itu semakin bertambahlah pengetahuan beliau tentang keadaan penghidupan dan tabiat manusia. Keadaan hawa yang menimbulkan perbezaan adat dan akhlak, sangat berguna bagi beliau sebagai alat untuk mempertimbangkan hukum peristiwa-peristiwa yang akan beliau hadapi. Kemudian beliau kembali ke Madinah sehingga sampai kepada waktu beliau diminta oleh Khalifah Hārūn al-Rashīd supaya tinggal menetap di Baghdad. Setelah beliau tinggal tetap di Baghdad, di sanalah beliau menyiarkan agama dan mengasaskan mazhabnya dengan berdasarkan pendapat-pendapat beliau yang diterima oleh segala lapisan masyarakat.

Baik terhadap rakyat mahupun terhadap pemerintah di mana beliau bergaul, bertukar-tukar fikiran dengan para ulama terutama sahabat-sahabat al-Imām Abū Ḥanīfah, sehingga dengan pergaulan dan pertukaran fikiran itu, beliau dapat menyusun pendapat “*qadīm*” (pendapat beliau yang pertama). Kemudian beliau kembali ke Mekah dan tinggal menetap di Mekah hingga tahun 198 Hijrah. Pada tahun itu beliau sampai ke Mesir, dan di sana beliau menyusun pendapat “*qawl jadīd*” (pendapat beliau yang baharu).

Kata-kata Shāfi‘ī yang sangat perlu menjadi perhatian, terutama bagi para ulama yang menyokong dan mengikuti “mazhab

Shāfi‘ī ialah: “Apabila hadith itu sah, itulah mazhabku, dan buangkanlah perkataanku yang timbul dari ijhtihadku.”

Al-Imām Shāfi‘ī meninggal dunia di Mesir dan dikebumikan di dalam kota Kaherah. Pengikut-pengikut mazhab Shāfi‘ī yang terbanyak ialah di Mesir, Kurdistan, Yaman, Aden, Hadramaut, Mekah, Pakistan, Indonesia dan Malaysia.

Mazhab Ḥanbalī:

Pelopor atau pengasas mazhab Ḥanbalī ini ialah al-Imām Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl. Beliau dilahirkan di Baghdad (Iraq) dan meninggal dunia pada hari Jumaat 12 haribulan Rabi‘ al-Awwal tahun 241 Hijrah. Dari sejak kecil beliau menuntut ilmu di kota Baghdad, di Syam, di Hijaz dan Yaman. Beliau adalah murid kepada al-Imām Shāfi‘ī. Shāfi‘ī sangat memuji atas sifat-sifat takwa dan warak yang dimiliki oleh al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal itu dengan katanya: “Saya keluar dari Baghdad tidak saya tinggalkan di sana seorang yang lebih takwa, lebih warak, lebih alim selain daripada Aḥmad bin Ḥanbal yang sungguh banyak menghafaz hadith.”

Murid-murid beliau banyak yang terkemuka, di antaranya al-Imām Bukhārī dan Muslim (dua orang perawi hadith yang terkenal). Beliau berpegang teguh kepada fatwa-fatwa daripada sahabat-sahabat Nabi apabila tiada dijumpai nas-nas yang sah daripada al-Qur’ān dan al-ḥadīth. Beliau susun mazhabnya atas empat dasar. Dasar yang pertama ialah

diambil daripada nas-nas al-Qur'an dan al-hadith. Dalam soal mengeluarkan sesuatu hukum terlebih dahulu yang ia selidiki ialah nas-nas daripada Qur'an dan hadith ada atau tidaknya. Kalau ada nas-nas daripada Qur'an dan hadith maka beliau berfatwa menurut nas-nas itu. Dasar yang kedua ialah fatwa-fatwa daripada sahabat-sahabat Nabi. Ertinya di dalam sesuatu masalah apabila tidak ada didapati nas-nas yang bersangkutan dengan masalah itu, maka beliau cari fatwa-fatwa sahabat, apabila ada fatwa daripada salah seorang sahabat, sedang fatwa-fatwa itu tidak ada bantahan daripada sahabat-sahabat yang lain, maka dengan tegas beliau menghukumkan masalah itu menurut fatwa daripada sahabat

itu. Jika fatwa itu didapati berbeza di antara beberapa sahabat, maka beliau pilih fatwa yang lebih hampir atau lebih tepat dengan pendapat yang lebih dekat kepada Kitab dan sunnah (Qur'an dan hadith).


Dasar yang ketiga, hadith *mursal*, atau lemah apabila tidak bertentangan dengan dalil-dalil yang lain. Dasar keempat, qiyas. Beliau tidak memakai qiyas kecuali apabila tidak ada jalan lain. Beliau sangat hati-hati melahirkan sesuatu fatwa apabila tidak ada nas atau *athar* (keterangan) sahabat-sahabat sehingga kemungkinan besar kerana sangat hati-hati beliau menjalankan fatwa itu, menyebabkan lambatnya mazhab beliau tersebar di daerah-daerah yang jauh, apalagi murid-murid beliau pun sangat

berhati-hati pula.

Mula-mula mazhab ini tersiar ialah di Baghdad, kemudian beransur-ansur keluar ke daerah-daerah yang lain, sekarang yang terbanyak sekali pengikut-pengikutnya ialah di Hijaz, apalagi setelah ditetapkan oleh Raja Ibn Sa'ud menjadi mazhab rasmi bagi kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah. Di Mesir tidak berapa banyak pengikut-pengikut mazhab Hanbali ini, kecuali pada abad yang ketujuh Hijrah.

Demikianlah mengenai sejarah ringkas al-Imam Abu Hanifah, al-Imam Malik, al-Imam Shafi'i dan al-Imam Ahmad bin Hanbal pengasas mazhab empat yang diakui oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Abu al-Mukhtar



Tan Sri Syeikh Ahmad Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pentadbir Dewan Bahasa dan Pustaka sedang memberi ucapan di dalam majlis memperingati genap 10 tahun Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur.